

Penjawat awam jangan sabotaj - TPM

Um- 5/3/2019 m/s: 7

■ PUTRAJAYA 4 MAC

TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail mengingatkan penjawat awam yang berbeza pendirian politik supaya tidak melakukan sebarang unsur-unsur sabotaj.

Beliau yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata, kerajaan sedar ada kalangan penjawat awam yang mewarisi sokongan kerajaan lama.

Dr. Wan Azizah berkata, penjawat awam boleh berbeza dari segi fahaman politik namun untuk berkhidmat kepada rakyat adalah tidak wajar menggunakan perbezaan kelompok, kaum dan agama sebagai penghalang.

“Kerajaan faham dan hormati pendirian politik masing-masing. Namun saya ingin mengingatkan supaya jangan ada unsur-unsur sabotaj,” katanya ketika berucap pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Pem-



DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada **Mohd. Alwi Mohd. Mustafa** di Putrajaya, semalam. Turut sama Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, **Anis Rizana Mohd. Zainudin** (kiri). - BERNAMA

angunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di sini hari ini.

Mengenai usaha penjawat awam memanfaatkan media sosial sebagai ejen penyam-

pai maklumat dan promosi perkhidmatan kepada masyarakat, beliau berkata, ada juga pihak yang tidak bertanggungjawab menyalahgunakan

media sosial dengan menyebarkan maklumat atau melemparkan tuduhan dan kritikan terhadap kerajaan secara melulu.

Dalam hal ini, Timbalan Per-

dana Menteri mengingatkan penjawat awam supaya mengetahui batas-batas perhubungan dalam komunikasi serta mematuhi etika penggunaan media sosial.

“Walaupun untuk mempertahankan diri jangan sesekali membalas kritikan netizen dengan bahasa yang kurang sopan,” katanya.

Dr. Wan Azizah juga menasihati penjawat awam supaya tidak menjadi ejen berita palsu dan memeriksa terlebih dahulu apa-apa berita.

Ketika ditemui pemberita selepas majlis itu mengenai peringatan beliau supaya penjawat awam tidak menyebarkan berita palsu, Dr. Wan Azizah berkata: Apa juga yang diperkata dan dilakukan, jika ia tidak benar ia tidak boleh diambil kira. Anda perlu mengesahkan.

Seramai 644 petugas kementerian, jabatan dan agensi di bawahnya menerima anugerah perkhidmatan cemerlang hari ini termasuk 10 penerima warga kurang upaya. - BERNAMA